

Peringatan: Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tandatangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan.

Juga pertanyaan-pertanyaan mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal-soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca – P.



(Khas bagi Majalah Qalam – tidak dibenarkan dikutip)

-----*-----*-----

-----*-----*-----

-----*-----*-----

Muhammad Kamarudin nombor 399 R I M I
BIS War K Shrof, Air Raja Road Singapura bertanya :
Apa hukumnya seorang pemimpin bangsa Melayu beragama Islam
suka mengecil-ngecilkan agamanya?

Jawab : Siapa yang tidak mengendahkan atau mengecilkan
agamanya terutamanya melanggar hukum-hukum agama maka orang itu
dibilangkan penderhaka kepada agama.

-----*-----*-----

Khalid Abdul Hamid, Kampung Kedah, Parit Buntar,
Perak bertanya: Apakah ikhtiar supaya dapat saya menarik
semula saudara kandung saya yang telah termasuk kepada agama
taslim kepada agama Islam yang sebenar?

Jawab : Agama Islam yang sebenar itu adalah agama yang
cukup lengkap dengan segala keterangan-keterangan yang maqkul dan
nyata yang boleh diterima oleh orang yang berakal dan siuman.
Tidak ada satu jalan yang lebih utama daripada memahamkan kepadanya
dengan cukup tegas dan nyata satu persatu tentang pandangan
dan pengajaran Islam yang sebenar dengan alasan-alasan yang nyata.

Apabila telah tuan lakukan yang demikian itu tidak berjaya
maka putuslah tanggungan tuan bahkan putuslah persaudaraan
tuan kepadanya kerana tidakkah tatkala bahawa Nabi Nuh, Nabi
Nuh telah memohon kepada Allah supaya Allah menanggukhan dahulu
tenggelamnya dunia ini sehingga anaknya dapat bersama-sama di dalam
bahteranya tetapi Allah telah menyatakan bahawa ia bukan anaknya.
Sebelum mengambil keputusan itu maka hendaklah ia diberi
nasihat yang nyata dan tulus dengan mengingat bahawa agama itu
ialah nasihat.

-----*-----*-----

Rajudin Segambut, Kuala Lumpur bertanya: Saya

seorang makan gaji pergi pagi balik petang, kadang-kadang
tidak dapat sembahyang kerana maklumlah makan gaji. Tidak
ada waktu sembahyang baginya.

Jawab: Sebagaimana kedudukan orang-orang makan gaji
di Singapura, di dalam bandar yang sibuk ini maka waktu-waktu
sembahyang itu tidak ada diberi tetapi orang-orang yang taat
menunaikannya tidak pernah meninggalkan satu waktu sedang
mereka itu keluar pagi dan balik petang juga. Tatkala
mereka keluar makan tengahari mereka menunaikan fardhu
Zuhur samada sesudah makan sebelumnya dan sembahyang Asar
petang sesudah keluar pejabat. Sembahyang itu tidak
ditentukan mesti di masjid tetapi walau di mana-mana jua pun
seperti di pejabatnya sendiri tidak ada halangan bahkan
biasanya penggaji-penggaji yang bukan Islam itu adalah menghormati
ketaatan seorang kepada agamanya. Walhal soal tentang ini
adalah bergantung kepada kedudukan orang itu sendiri
jika tidak ada waktu sekalipun adalah dapat juga ia
menyempatkannya kerana masanya dalam lima minit sahaja.

-----*-----*-----

Wan Osman Bin Wan Teh Lenggong Perak bertanya:
Apa hukumnya bermain sandiwara dan memungut wang dengan
bermain sandiwara itu?

Jawab: Sandiwara itu zatnya tidak haram.
Tetapi yang haram di dalamnya, sebagaimana yang terjadi, ialah
orang-orang yang beriman di dalam sandiwara itu biasanya
bercampur di antara lelaki dengan perempuan ataupun
perempuan memakai pakaian lelaki dan lelaki memakai
pakaian perempuan dengan ditonton dan dipandang beramai-ramai
oleh penonton-penontonnya. Rasulullah telah bersabda maksudnya :

Sesiapa yang percaya kepada Allah dan hari kemudian maka janganlah ia bersatu tempat dengan perempuan yang tidak ada bersama-samanya seorang mahramnya kerana yang ketiganya (masa itu) adalah syaitan. Jadinya sah riwayat Ahmad.

Firman Allah maksud-Nya: Katakanlah kepada lelaki yang beriman bahawa hendaklah mereka menundukkan pandangan mereka (kepada perempuan dan katakanlah kepada perempuan yang beriman maka hendaklah menundukkan pandangan mereka (kepada lelaki) dan hendaklah mereka pelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka menampakkan badan mereka melainkan apa yang zahir jua.

Ada lagi beberapa keterangan di dalam perkara itu dan melihat kepada keadaan-keadaan tonil maka tak dapat tidak di situ perempuan-perempuan yang cantik dipertontonkan dan orang-orang yang beriman di dalamnya bukan pula mahramnya dan dengan sebab itu melanggar tegahan-tegahan yang nyata daripada Al-Quran dan Al-Hadis. Tentang wang daripada pendapatannya sudah tentu daripada pendapatan wang yang asi yakni pendapatan daripada usaha yang ditegah.

-----*-----*-----

Ismail Bin Haji Ahmad, 48 Jalan Amir Bandar Kluang, bertanya: Apa sebab ejaan perkataan-perkataan persuratan Melayu huruf jawi di dalam majalah-majalah dan surat-surat khabar tidak sama?

Jawab: Biasanya di dalam persuratan Melayu dahulu adalah ejaan-ejaan itu sama dengan kerana pada masa menulis mereka gunakan berbaris sebagai saksi tetapi kemudian cara itu ditukar dengan secara sekarang dan masing-masing orang telah menambah huruf-huruf saksi tetapi kemudian masing-masing. Salah satu juga daripada sebab-sebab yang besar tak dapat menyatukan ejaan itu ialah oleh kerana cara-cara mengajarkan tulisan itu di Semanjung Tanah Melayu ini tidak rata terhebah kepada orang-orang yang belajar sungguh pun ada pendeta-pendeta kita yang mengusahakan menterbitkan buku untuk ejaan tetapi pekerjaan orang-orang kita kepada usaha-usaha tidak berapa ambil endah.

Hamzah bin Awang Kecil, Teluk Batu, Lenggong, Perak bertanya: Adakah sah bagi mereka yang bergilir-gilir memberi dan menerima fitrah antara satu dengan lain (hal keadaan mereka itu berjanji)?

Jawab: Telah dikatakan bahawa biasa terjadi seseorang yang hendak mengeluarkan fitrah itu, diberikan kepada seseorang rakannya kemudian rakannya itu pula berfitrah pula kepadanya. Keadaan orang itu adalah bukan daripada orang-orang yang boleh menerima zakat. Di dalam surah Al-Bara'ah ayat 60 Tuhan menentukan bahawa orang-orang yang boleh menerima zakat itu ialah (1) fakir. (2) miskin. (3) amil. (4) mu'alaf (5) memerdekakan hamba. (6) orang yang berhutang. (7) Fisabilillah dan (8) orang yang keputusan dalam pelayaran.

Di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan beberapa hadis lagi adalah Rasulullah mengutamakan pembahagian zakat itu kepada fakir miskin dengan sebab itu sekiranya orang yang menerima fitrah itu bukan daripada orang-orang yang tersebut itu maka zakatnya tidak sah apalagi perbuatan-perbuatan yang membuat perjanjian apabila diberikan kepadanya ia akan memberikan semula kepada yang memberi itu sudah tentu tidak sah dan bolehlah di sifatkan yang demikian itu mempermainkan ajaran agama.

-----*-----*-----

Muhammad Ani Bin Haji Sanusi, Kirup Sekolah Arab, Kincung Darat, Kuala Langat, Selangor bertanya : Bagaimana adat mas kahwin di negeri Selangor boleh jadi \$44 anak dara dan \$22 janda – di tempat lain adakah begitu?

Jawab : Mas kahwin itu tidak ada ketetapan (kadarnya). Rasulullah pernah menyuruh seorang mengajar Al-Quran kepada isterinya sebagai mas kahwinnya dan tidak ada keterangan-keterangan yang menunjukkan bagi menentukan mas kahwin itu sekian-sekian banyaknya. Kita percaya di lain-lain tempat keadaannya tidak sama seperti yang tersebut.

-----*-----*-----

Abdul Rahman Bin Ahmad, Sekolah Melayu Bandar Pontian, Johor bertanya : Nampaknya pada masa ini terlalu banyak

orang menembak burung dengan menggunakan senapang jadi apakah hukumnya burung itu sekiranya disembelih pada waktu ia bernyawa (menggelupur)?

Jawab: Jika burung yang ditembak itu burung yang halal di makan dan disembelih tatkala menggelupur maka halal di makan. Ulama-ulama berpendapatnya bahawa dengan menembak burung itu adalah melukai maka disifatkan tembakan sebagai senjata yang tajam dan apabila ia menembak burung itu dengan menyebut nama Allah yakni Bismillah maka burung yang tertembak itu adalah halal di makan kerana ia sama seperti binatang buruan.

-----*-----*-----

Tuan Abu Mazih Penambang, Kelantan, bertanya apakah farak (bezanya) di antara perkataan “millah” dengan “din” kerana di dalam Al-Quran Al-Karim ada tersebut dua-dua lafaz tersebut.

Jawab : “Millah” dan “din” kedua-duanya bermakna “agama”. Tetapi berbeza sedikit kerana perkataan “din” (al-din) mempunyai makna yang lebih luas lagi iaitu selain daripada maknanya agama maka ia boleh dimaknakan : adat, hukum, jalan, tadbir, taat, balasan dan lain-lain lagi.

-----*-----*-----

Sariah Binti Muhammad Arif, Kampung Sungai Kecil, Bandar Baru bertanya: Apakah maksud hadis yang maksudnya tentulah oleh kamu dunia kamu seolah kamu hidup selama-lamanya dan tentulah akhirat kamu seolah-olahnya kamu mati esok?

Jawab: Maksud dan tujuan hadis itu adalah terang dan nyata bahawa agama Islam tidak sekali-kali menyuruh pemeluknya-pemeluknya meninggalkan dunia. Ia menyuruh tiap-tiap seorang pemeluknya-pemeluknya bertungkus lumus mencari kebahagiaan dunia dengan tidak sedikit pun cuai dan malas kerana ketinggian dan perolehannya di dunia itu ia akan membawa kebahagiaannya di akhirat di dalam kehidupan di dunia itu adalah umpama orang pelarian menumpukan tujuannya kepada suatu hal yang muktamad. Untuk bekalan kepada sampai

ke tempat yang muktamad itu hendaklah ia mencari faedah-faedah di dalam perjalanannya yakni bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh mencari kekayaan-kekayaan yang di beri Allah di bumi-Nya ini dan dengan kekayaan-kekayaannya itu hendaklah ia membuat kebajikan kepada saudara-saudaranya, membuat amal jariah yang besar dan luas untuk bekalnya kemudian hari yakni amal jariah yang berkepanjangan yang boleh menolongnya kemudian hari. Sesudah ia menerima pemberian-pemberian Allah itu maka hendaklah ia ingat bahawa ia akan mati esok dan dengan kerana itu hendaklah ia takut kepada Allah dan memikirkan bahawa pendapatan daripada segala usahanya di dunia itu hanya sebagai pinjaman jua yang jika di bawa kepada kebajikan akan bermanfaat kepadanya dan jika di bawanya kepada kejahatan akan membawa kebinaasaan jua kepadanya. Dengan sebab itu maka mati itu tidak dapat seorang menentukannya melainkan Allah dan kerana itulah ia mengabdikan kepada Allah, taat kepada perintah-perintahnya dan berbuat kebajikan dengan ikhlas dengan berharap kepada keredaannya kerana mati itu akan berlaku pada ketika itu juga atau pun pada esoknya – tidaklah diketahui.

-----*-----*-----

Tuan Shamsuldin Bin Adam, 17 Kurat Road, Rembau Negeri Sembilan bertanya: Di dalam hadisnya Nabi ada tersebut bahawa Nabi Isa akan turun di akhir zaman maka pada ketika itu apakah pengikutnya kerana di dalam Quran tersebut tidak ada seorang Nabi atau Rasul kemudian daripada Nabi Muhammad (Sallallahu Alaihi Wasallam)?

Jawab : Pangkatnya tetap Nabi lagi Rasul walaupun yang mulia pada masa itu tidak membawa agamanya sendiri dan hanya menjadi pengikut agama Islam. Tidak ada Nabi dan Rasul kemudian daripada Nabi Muhammad (SAW) sebagaimana yang tersebut di dalam Al-Quran Al-Karim, maksudnya ialah Nabi-nabi dan Rasul-rasul yang membawa agama baru dan yang dilantik oleh Allah kepada martabat yang tinggi itu.

Orang yang mengaku menjadi Nabi kemudian daripada zaman Nabi Muhammad (SAW) sebagaimana yang pernah kedengaran sahut menyahut dari satu ke satu masa, maka kesemuanya adalah dilantik oleh syaitan, kerana mereka ialah suku sakatnya.